

PPSKK UMS rapatkan hubungan dengan Pejabat Akhbar Ketua Menteri

UB 15.3.2019 B3

Oleh YAP SIONG HAN

PEJABAT Media Pusat Pengurusan Strategik dan Komunikasi Korporat (PPSKK) Universiti Malaysia Sabah (UMS) mengadakan kunjungan hormat ke atas Setiausaha Akhbar Ketua Menteri Sabah Fiona Andrew Siambun, di pejabatnya pada Rabu.

Kunjungan itu yang diketuai Timbalan Pengarah (Korporat) PPSKK Dr Jakarta Dasan bertujuan merapatkan hubungan khususnya dalam pengurusan media strategik.

"Pada pertemuan itu, kami saling bertukar idea mengenai sebarang bentuk kerjasama khususnya yang berkaitan publisiti di media.

"Ia juga meliputi kerjasama dalam



FIONA (dua kiri) berkongsi idea berkaitan pengurusan media kepada PPSKK UMS.

pengajuran seminar atau bengkel untuk mereka yang terlibat secara langsung dalam bidang pemberitaan sesuai dengan peranan UMS sebagai institusi ilmu," katanya dalam satu kenyataan di sini pada Rabu.

Menurut Jakarta, lawatan itu juga bertepatan dengan kedudukan Ketua Menteri Sabah Datuk Seri Mohd Shafie Apdal selaku Pro Canselor UMS.

"Peluang mengadakan kunjungan ke pejabat Fiona banyak memberikan

kami input positif dan idea berasas bagi membantu memperkemas lagi pengurusan media UMS.

"Saya sangat berterima kasih kerana beliau sudi menerima kunjungan kami walaupun sibuk dengan jadual tugas kerja yang

padat," katanya.

Lawatan Pejabat Media PPSKK itu turut disertai Kurator Kanan Mohd Hilmey Saili,

Pegawai Penerbitan Che Hasruddin Che Hasan, Penolong Pegawai Penerangan Salbinous Saribun, Jurufotografi

Kanan Johaidi Ismail, Pembantu Penerbitan Faezah Mohamad Dun dan Pembantu Tadbir Mohd Affzanizam Mohd Amin.



JAKARIA (tiga kanan) menyampaikan cenderahati kepada Fiona (empat kiri).